



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 5/2018

PERUBAHAN KAEDAH KAWALAN KESELAMATAN KAMPUS

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pendaftar ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berkenaan pelaksanaan konsep kampus terbuka (*open campus*) melalui perubahan kepada kaedah kawalan keselamatan kampus.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Langkah ini adalah sebagai menyahut seruan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menggesa semua universiti awam membuka akses masuk untuk masyarakat luar sebagaimana amalan institusi pengajian tinggi terkemuka dunia.
- 2.2 Mesyuarat JKPU Bil. 25/2018 yang bersidang pada 25 Julai 2018 telah bersetuju untuk melaksanakan konsep kampus terbuka (*open campus*) ini berkuat kuasa mulai pada 29 Julai 2018.



- 2.3 Jabatan Keselamatan (JKS) UniSZA dipertanggungjawabkan untuk melaksana, memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelaksanaan kaedah ini.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Konsep universiti terbuka ini adalah tertumpu kepada waktu siang dan dilaksanakan di Kampus Gong Badak terlebih dahulu sebagai *pilot test*.
- 3.2 Tiada Pengawal Keselamatan yang akan bertugas di pintu masuk (Pos Pengawal 1 dan 2) pada waktu bekerja. Walau bagaimanapun, seorang Pengawal Keselamatan akan ditugaskan di kaunter pertanyaan di kedua-dua pintu masuk.
- 3.3 Penekanan kawalan keselamatan akan dikuat kuasa di bangunan-bangunan di dalam kampus. JKS akan membuat jadual penempatan pengawal keselamatan berdasarkan kepada kaedah yang sesuai dengan lokasi, bilangan pengawal dan taraf keselamatan bangunan.
- 3.4 Walau bagaimanapun, kawalan keselamatan selepas jam 8.00 malam bagi urusan masuk/keluar diperketatkan untuk memastikan keselamatan kampus terkawal.
- 3.5 Pintu pagar akan ditutup bermula jam 12.00 tengah malam hingga 6.30 pagi.
- 3.6 Pihak JKS dari semasa ke semasa akan memantau keberkesanan kaedah ini serta dalam masa yang sama akan meningkatkan tahap kawalan keselamatan di kawasan kampus.
- 3.7 Kaedah ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan. JKS akan memantau keberkesanan dan impak pelaksanaan kaedah ini kepada



pihak Pengurusan. Pelaksanaan seterusnya akan diputuskan oleh pihak Pengurusan berdasarkan kepada laporan tersebut.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pendaftar ini adalah berkuat kuasa mulai **tarikh ia dikeluarkan**.

5.0 PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang pertanyaan ataupun maklum balas berhubung pelaksanaan kaedah kawalan keselamatan ini boleh disalurkan terus kepada **Encik Hasbullah bin Ismail, Pengarah Jabatan Keselamatan di talian 09-6688668/019-3912449 atau melalui emel hasbullah@unisza.edu.my**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Ilmu dan Akhlak’

Saya yang menurut perintah,

ISMAIL BIN AHMAD
Pendaftar
s.k:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Penasihat Undang-Undang

Ketua Pustakawan

Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan